

## *Perbualan Berstruktur dan Penerapan Nilai dalam Lisan*

**Nur Syahida Paiman**

nur\_syahida\_paiman@moe.edu.sg

**Tuminah Mohamed Bakir**

tuminah\_mohamed\_bakir@moe.edu.sg

**Taufek Siniwi**

Sekolah Rendah Xingnan

### Abstrak

Murid sering menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea perbualan mereka secara teratur atau berstruktur. Malah idea penyampaian murid biasanya agak bercelaru. Satu kajian yang tertumpu kepada pembinaan kemahiran bertutur murid dalam bahagian perbualan lisan telah dijalankan. Kad Panduan Bertutur yang menerapkan teknik penyoalan 5W1H (siapa, apa, mengapa, di mana, bila dan bagaimana) dan penerapan nilai-nilai sekolah telah dibina dan digunakan dalam kajian ini bagi membantu murid melahirkan dan mengembangkan idea mereka secara berstruktur semasa bertutur. Dapatkan kajian menunjukkan penggunaan kad ini dapat meningkatkan kemahiran lisan murid, khususnya murid yang lemah. Para murid juga dapat bertutur secara berstruktur dengan fasih dan yakin serta dapat mengaitkan sesuatu isi atau pendapat mereka dengan nilai sekolah yang sesuai.

### Kata kunci

Perbualan Berstruktur, Penerapan Nilai, Kemahiran Bertutur, Lisan

## PENGENALAN

Kebolehan bertutur merupakan salah satu daripada kemahiran berbahasa yang guru harapkan dapat digarap oleh murid dengan baik. Malah, menerusi kemahiran bertutur, tahap keyakinan seorang murid bertutur juga dapat dinilai bukan sahaja dari segi isi perbualan itu tetapi penguasaan bahasanya. Penyampaian maklumat yang jelas lagi tersusun merupakan antara objektif kemahiran bertutur terutama dalam peperiksaan lisan.

Terdapat beberapa hambatan bagi penguasaan kemahiran ini. Antaranya ialah sikap murid itu sendiri yang enggan bertutur dalam bahasa Melayu. Namun, hal ini mungkin dapat diubah sekiranya teknik-teknik tertentu dapat diajarkan kepada murid yang masih kurang yakin ketika bertutur agar mereka dapat merasakan bahawa kemahiran lisan ini bukanlah sesuatu yang susah untuk dikuasai.

Teknik Kipling (*Kipling Method*) menjadi keutamaan dalam kajian ini bagi menggalakkan murid menyusun dan mengembangkan idea mereka agar teratur dan lebih mudah difahami. Secara tidak langsung, murid dibantu dengan adanya perancah dalam bentuk kad panduan yang memuatkan unsur 5W1H1N di dalamnya.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan dan data yang dikumpul pengkaji semasa peperiksaan lisan SA1 dan SA2 murid-murid, keputusan peperiksaan lisan murid-murid, khususnya dalam bahagian perbualan, didapati kebanyakannya agak rendah. Malah, kemantapan isi dan mutu bahasa yang digunakan juga didapati agak lemah. Kebanyakan murid tidak dapat menyampaikan idea mereka secara teratur atau berstruktur. Seringkali pelajar juga tidak dapat mengembangkan idea-idea penyampaian mereka dengan jelas. Pada masa yang sama, tidak ramai murid yang dapat mengaitkan sesuatu kejadian atau idea mereka dengan nilai-nilai teras sekolah. Kesudahannya, penyampaian murid dalam bahagian perbualan ini didapati isinya terlalu ringkas, tergantung dan tidak jelas.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menilai keberkesanannya kad panduan yang dibina berlandaskan teknik

- 5W1H yang dikenali juga sebagai ‘Teknik Kipling’, dan
2. meneliti keberkesanan teknik ‘klipping’ dalam penerapan nilai.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian Pengajaran telah mula digunakan dan diamalkan oleh banyak sekolah di Singapura untuk menggalakkan budaya belajar bersama dalam kalangan guru. Melalui Kajian pengajaran, guru menjalankan pengajaran menggunakan rancangan pengajaran yang telah diteliti dan dikaji.

Menurut Fang dan Kum-Eng (2010), Kajian Pengajaran boleh menghasilkan pengajaran yang lebih baik secara berterusan. Selain itu, semangat kekitaan dan kerjasama sangat kuat dalam kalangan guru yang terlibat. Kajian Pengajaran juga menjadi tempat untuk membimbing guru-guru baharu.

Menurut Lewis dan Tsuchida (1998), rancangan pengajaran yang telah dikaji dan diteliti ialah pengajaran di bilik darjah yang diajarkan kepada murid-murid dan mempunyai ciri-ciri berikut:

- a. berfokus kepada masalah, matlamat atau visi yang telah difikirkan oleh guru menggunakan amalan pedagogi;
- b. dirancang dengan teliti dengan kerjasama dan kolaborasi rakan-rakan setugas;
- c. dipantau dan diperhatikan oleh rakan-rakan;
- d. pemantauan dicatat, direkod bagi tujuan analisis dan refleksi;
- e. dibincangkan oleh kumpulan kajian pengajaran yang terdiri daripada rakan-rakan setugas, anggota pentadbiran dan juga orang-orang yang dijemput untuk turut memerhatikan pengajaran yang berlangsung.

Melalui kajian pengajaran, guru menjadi lebih fokus mencari punca atau faktor yang dapat mempertingkat pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dilihat melalui perkongsian profesional oleh ramai sekolah menggunakan kajian pengajaran bagi memperbaik pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kini lebih ramai guru dan sekolah yang tampil ke hadapan untuk menjalankan kajian pengajaran di bilik darjah.

Perkara yang amat ketara dalam penggunaan kajian pengajaran ini ialah guru-guru membina budaya belajar bersama dan bersikap terbuka dalam memberikan pandangan dan pendapat bagi mempertingkat pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya membantu peningkatan pembelajaran dalam kalangan murid.

Teknik Kliping ini pula diperkenalkan oleh Joseph Rudyard Kipling (1902), seorang penulis berbangsa Inggeris dalam sajak yang beliau karang. (Sila rujuk Lampiran 2 & 3 bagi contoh penyoalan yang diperkenalkan oleh Kliping). Teknik penyoalan yang diperkenalkan oleh Rudyard Kipling kini lebih dikenali sebagai 5Ws1H (*Why, Who, When, What, Where* dan *How*). Melalui teknik penyoalan yang terarah, pembelajaran boleh menjadi lebih menarik dan jelas. Kemahiran berfikir murid diasah bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diajukan oleh guru dan juga soalan-soalan yang mereka sendiri fikirkan berkaitan tugas yang dijalankan. Dalam hal ini, keyakinan murid untuk berbual dan bertutur dengan baik boleh dipertingkatkan apabila mereka terbiasa dan terlatih menjawab soalan-soalan yang telah disediakan oleh guru.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan ialah Kajian Pengajaran. Dalam melaksanakan kajian pengajaran ini, Teknik Kliping telah digunakan sebagai fokus untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran.

Teknik Kliping ini, yang asalnya bertujuan untuk menghuraikan masalah menerusi penggunaan kata tanya, seterusnya digunakan untuk mengembangkan isi sesuatu idea. Malah dalam kajian ini juga, teknik ini telah ditambahkan dengan 1 N (Nilai) supaya murid-murid dapat merumuskan sesuatu idea penting dengan mengaitkan salah satu nilai teras sekolah sebagai asas pengukuhan hujah mereka.

Kajian ini menggunakan beberapa pendekatan seperti praujian, pengajaran kajian dan posujian. Data-data dalam bentuk kuantitatif dan juga maklum balas murid dalam bentuk kualitatif digunakan sama ada untuk memperkemas rancangan pengajaran atau menilai keberkesanan teknik yang digunakan ini. Kajian ini melalui tiga fasa bagi setiap kitaran (kecuali kitaran pertama dan kedua).

- i. Praujian – Para responden akan menjalani ujian lisan bahagian perbualan berkaitan gambar sahaja. Mereka telah dibahagikan kepada empat kumpulan dan dinilai oleh empat orang guru yang turut terlibat secara langsung dengan kajian ini. Keputusan murid serta pemakluman guru tentang prestasi murid digunakan untuk mengenal pasti bahagian-bahagian tertentu rancangan pengajaran yang perlu diperhalusi dan dititik berat ketika menjalankan pengajaran kajian nanti.
- ii. Kajian Pengajaran – Guru menggunakan rancangan pengajaran yang telah diperkemas dan mengulang bersama murid tentang teknik yang pernah

- mereka pelajari pada akhir tahun 2013 (kitaran kedua). Dua perakam video digunakan untuk merakam pengajaran dan respon-respon murid semasa pengajaran dijalankan.
- iii. Pascaujian – Para responden sekali lagi menjalani ujian lisan yang sama dengan tajuk yang berbeza. Prestasi mereka dinilai guru pemeriksa yang sama dan keputusan kuantitatif akan digunakan sebagai data untuk dibuat perbandingan dengan prestasi mereka ketika praujian.

## **SUBJEK KAJIAN**

Responden-responden bagi kajian ini merupakan murid-murid Sekolah Rendah Xingnan di tempat para pengkaji bertugas. Responden-responden terdiri daripada 23 murid-murid Darjah enam tahun 2013 dan 23 murid-murid Darjah 6 tahun 2014. Murid-murid yang dipilih ini merupakan murid-murid dari kelas ML1 yang tergolong dalam kategori murid-murid berkebolehan tinggi (HA) dan juga berkebolehan sederhana (MA). Kumpulan murid ini terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan yang berumur antara 11 dan 12 tahun bagi kumpulan Darjah enam 2013 dan sembilan orang murid lelaki dan 14 orang murid perempuan yang berumur antara 11 dan 12 tahun bagi kumpulan Darjah enam 2014.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Murid-murid perlu menjawab soalan perbualan menggunakan kad panduan yang diberikan. Murid-murid harus mengecam bahagian perbualan yang menjawab soalan 5W1H1N dalam perbualan teman mereka sewaktu latihan berpasangan dijalankan. Sambil mendengar perbualan teman mereka itu, mereka perlu menandakan bahagian soalan 5W1H1N di senarai semak mereka. Melalui senarai semak ini, murid-murid memberi lapor balik kepada teman mereka mengenai perbualan mereka dan bahagian isi perbualan yang harus dikembangkan.

Kad panduan perbualan lisan juga telah dihasilkan oleh guru-guru untuk membantu murid-murid mengembangkan idea perbualan mereka secara berstruktur. Kami dapati bahawa kad panduan yang mengandungi contoh frasa-frasa bagi memulakan komunikasi juga dapat membantu murid berbual dengan lancar. Murid lebih yakin bertutur dengan berpandukan kad panduan lisan tersebut.

## **PROSEDUR KAJIAN**

Kajian Pengajaran ini telah melalui tiga kitaran.

### Kitaran pertama

Kitaran ini melibatkan murid-murid darjah enam 2013 yang bakal menduduki peperiksaan PSLE dalam masa sebulan. Kajian ini dijalankan di luar waktu kurikulum (semasa waktu kelas tambahan) agar guru-guru serta seorang guru pakar dapat memantau bersama sesi perlaksanaan pengajaran kajian. Waktu pengajaran ini dijalankan ialah 1 jam 30 minit.

### Kitaran Kedua

Kitaran ini pula melibatkan murid-murid darjah lima 2013. Pengajaran yang telah dikemas kini dari kitaran pertama telah diajarkepada kumpulan murid yang terpilih ini. Mereka telah melalui pengajaran selama 1 jam 30 minit sewaktu kelas tambahan dan pengajaran telah dirakamkan.

### Kitaran Ketiga

Kitaran terakhir ini melibatkan murid-murid darjah enam 2014 yang sebenarnya juga merupakan kumpulan murid yang dikaji pada tahun 2013 ketika mereka berada di darjah lima. Mereka tetap dipilih kerana kali terakhir mereka lalui pengajaran ini adalah pada akhir November. Pada masa yang sama, ketika mereka menjalani praujian lisan pada akhir penggal pertama 2014, hampir semua murid ini didapati sukar menyampaikan idea dan mungkin telah lupa akan teknik yang diajarkan pada tahun sebelumnya. Pengajaran bagi kitaran ini dijalankan pada minggu pertama penggal dua dan pascaujian dijalankan pada minggu kedua penggal kedua.

## **DAPATAN KAJIAN**


Data-data yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kuantitatif dan juga kualitatif. Data-data yang diperolehi daripada keputusan penilaian guru pemeriksa dan juga borang maklum balas murid dan guru digunakan untuk menilai keberkesanan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Analisis data digunakan mengikut kitaran dan kumpulan responden yang diuji dalam kajian ini.

## **KUMPULAN PERTAMA DALAM KITARAN PERTAMA**

Data yang diraih daripada pengajaran kumpulan pertama dalam kitaran pertama

dapat dilihat melalui dapatan borang renungan yang telah dilengkapkan oleh murid. Sila rujuk Lampiran 1 bagi senarai soalan yang diajukan kepada murid. Rajah 1 menunjukkan peratusan murid yang memberikan respons kepada soalan-soalan yang diajukan.


**Rajah 1: Respons Murid semasa Kitaran 1**



## KUMPULAN KEDUA DALAM KITARAN KEDUA

Bagi kumpulan kedua dalam kitaran kedua, data yang didapati juga berdasarkan borang renungan yang sama yang telah dilengkapkan oleh murid dalam kumpulan yang berbeza.

**Rajah 2: Respons Murid semasa Kitaran 2**




## KUMPULAN KETIGA DALAM KITARAN KETIGA

Murid-murid dalam kumpulan ketiga kitaran ketiga telah menjalani praujian. Hanya bahagian perbualan lisan yang telah dinilai. Empat orang guru telah diberi tugas menguji murid-murid dalam kumpulan ini.

Setelah menjalani praujian, murid-murid melalui proses kajian pengajaran di mana guru menjalankan pengajaran lisan yang telah dilakukan bersama. Setelah menjalani pengajaran yang khusus itu, setiap murid diberikan borang renungan yang sama seperti borang renungan yang diedarkan dalam kitaran pertama dan kedua.

Rajah 3: Respon Murid semasa Kitaran 3



Murid-murid dinilai oleh guru yang sama semasa proses pascaujian. Mereka menjawab soalan yang berbeza daripada soalan yang diajukan semasa praujian. Dua orang murid tidak hadir pada hari pascaujian dijalankan.

## KESIMPULAN

Pada akhir kajian kajian ini, didapati bahawa ada segolongan responden dalam kajian ini yang menampakkan kemajuan yang signifikan dalam pencapaian mereka. Hal ini juga turut disokong dengan maklum balas murid yang merasakan bahawa kad panduan serta bimbingan guru semasa pengajaran kajian ini lebih mengukuhkan keyakinan mereka untuk bertutur secara teratur lagi jelas.

Guru-guru juga turut berpendapat bahawa para responden menampakkan kebolehan untuk mengembangkan isi-isi penyampaian mereka dengan lebih baik dan yakin. Dengan adanya kad panduan yang dibina serta bimbingan kaedah 5W1H1N kemahiran bertutur murid telah meningkat dan mereka boleh bertutur dengan lebih baik. Mereka dapat mulakan perbualan dengan lancar tanpa ragu-ragu. Permulaan perbualan yang lancar dapat meningkatkan keyakinan murid-murid untuk terus mengembangkan idea mereka dengan baik dan lancar.

## **RUJUKAN**

- Fang Yanping dan Kristine Kim-Eng Lee (2010), Lesson Study and Instructional Improvement in Singapore. Research Brief No. 10-001, 1-4
- Lewis, C. & Tsuchida, I. (1998). A lesson is like a swiftly flowing river: Research lessons and the improvement of Japanese education. American Educator, Winter, 14-17 & 50-52.
- Rudyard Kipling (1902), Just So Stories. [http://en.wikipedia.org/wiki/Just-so\\_story](http://en.wikipedia.org/wiki/Just-so_story)

## **SUMBER DARI INTERNET**

- <http://creatingminds.org/tools/kipling.htm>
- <http://www.poetryfoundation.org/bio/rudyard-kipling>
- <http://www.robtatman.com/2011/04/i-keep-six-honest-serving-men/>
- <http://www.robtatman.com/2011/04/i-keep-six-honest-serving-men/>
- [http://members.optusnet.com.au/charles57/Creative/Techniques/elephants\\_child.htm](http://members.optusnet.com.au/charles57/Creative/Techniques/elephants_child.htm)

**Borang Tinjauan**

1	2	3	4
Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju

- |  | 1                     | 2                     | 3                     | 4                     |
|--|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| 1. Saya memahami tujuan pengajaran ini.  | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 2. Saya tertarik kepada bahan pelajaran yang digunakan.                              | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 3. Soalan-soalan yang guru kemukakan merangsang saya untuk berfikir secara kritikal. | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 4. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan membantu saya memahami pelajaran ini.           | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 5. Saya memahami apa yang diajarkan.   | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 6. Saya akan menggunakan teknik-teknik yang diajarkan di dalam perbualan saya.       | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |
| 7. Jangka masa yang digunakan untuk pengajaran mencukupi.                            | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> | <input type="radio"/> |

Markah	Markah									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Jumlah Murid	1	0	3	8	6	1	3	0	1	0

Markah	Markah									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Jumlah Murid	0	0	1	2	1	7	5	3	1	1

## Teknik Klipping (5W1H)

### Bila menggunakan teknik ini

- Gunakan teknik Kipling pada bila-bila masa atau bila diperlukan untuk mendapatkan rangsangan tambahan
- Teknik ini baik digunakan bagi sesi kreativiti, apabila seseorang kekontangan idea
- Teknik ini juga berguna untuk bagi penerimaan pelbagai pandangan apabila menjelaskan sesuatu masalah.
- Anda juga boleh menggunakan teknik ini untuk bertanyakan soalan apabila memilih idea bagi pembangunan seterusnya.

<i>Cepat</i>	X				<i>Lama</i>
<i>Logikal</i>		X			<i>Psikologikal</i>
<i>Individu</i>	X				<i>Kumpulan</i>

### Bagaimana Menggunakan Teknik ini?

Rudyard Kipling menggunakan satu set teknik penyoalan untuk merangsang idea dan menyelesaikan masalah serta melahirkannya dalam bentuk puisi.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
I have six honest serving men	Saya ada enam orang yang jujur
They taught me all I knew	Yang mengajar apa yang tidak tahu
I call them What and Where and When	Saya namakan mereka Apa, Di mana dan Bila
And How and Why and Who	Dan bagaimana dan Mengapa dan Siapa

Soalan sebegini boleh digunakan untuk merangsang untuk berfikir dalam banyak situasi

### Bertanyakan soalan

Cara yang mudah adalah dengan mengambil satu soalan, secara rawak atau disengajakan dengan tujuan tertentu dan bertanyakannya berdasarkan situasi.

Contohnya, semasa anda merancang untuk mengadakan majlis, anda boleh bertanya, Mengapa anda ingin mengadakannya? Apakah persiapan yang perlu dilakukan? Siapa yang akan hadir? dan seterusnya.

### **Kembangkan Soalan**

Anda boleh juga mengembangkan soalan menggunakan frasa tertentu, contohnya:

- Berapa harganya?
- Mengapa tidak?
- Pukul berapa?
- Di mana tempatnya?
- Siapa yang boleh?
- Di mana lagi?
- Bila?

Tanyakan solan yang disengajakan bagi membantu anda menyusun idea dan mendapatkan jawapan yang lengkap dan tuntas. Contohnya:

- Apakah masalahnya?
- Di mana hal tersebut akan berlaku?
- Bila hal tersebut akan berlaku?
- Mengapa hal tersebut berlaku?
- Bagaimana anda menyelesaikan masalah?
- Siapakah yang anda perlukan untuk terlibat sama?
- Bila anda akan tahu yang anda telah menyelesaikan masalah tersebut?

### **Bagaimakah teknik ini berlaku?**

Setiap soalan berlaku kerana kita telah terlatih untuk mencari jawapan kepada soalan yang ditanyakan. Kita dicabar dan peraturan sosial memerlukan kita mencari jawapan kepada soalan yang ditanyakan.

Teknik Kipling berjaya kerana soalan yang ditanyakan pendek dan jelas. Soalan-soalannya juga tidak terlalu luas. Soalan ‘Apa’ boleh diaplikasikan dalam banyak situasi, dan ini menjadikan teknik ini bersifat felksibel.

Sajak oleh Rudyard Kipling  
dalam buku '**Just So Stories**' (1902)

*I keep six honest serving-men  
(They taught me all I knew);  
Their names are What and Why and When  
And How and Where and Who.  
  
I send them over land and sea,  
I send them east and west;  
But after they have worked for me,  
I give them all a rest.  
  
I let them rest from nine till five,  
For I am busy then,  
As well as breakfast, lunch, and tea,  
For they are hungry men.  
  
But different folk have different views;  
I know a person small  
She keeps ten million serving-men,  
Who get no rest at all!  
  
She sends em abroad on her own affairs,  
From the second she opens her eyes  
One million Hows, Two million Wheres,  
And seven million Whys!*